

BERITA HARIAN

DATE: 6/ 1/2010

Ambil kira sensitiviti agama Islam: Dr M

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berpendapat penyelesaian kepada kontroversi penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan akhbar mingguan *Herald-The Catholic Weekly* perlu mengambil kiri sensitiviti agama Islam.

Beliau berkata, ia tidak hanya boleh dirujuk kepada undang-undang tanpa mengambil kira sensitiviti atau ketegangan serta permusuhan antara penganut agama berlainan.

"Tindakan mengemuka-

kan rayuan ternadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tidak mampu menyelesaikan kontroversi. Undang-undang hanya mengutamakan maksud undang-undang," katanya dalam blognya, semalam.

Dr Mahathir yang mengaukui kontroversi itu bermula ketika beliau masih Perdana Menteri dan pada masa itu Kabinet berpendapat penggunaan kalimah Allah dalam kitab Injil adalah perkara sensitif dan tidak boleh diselesaikan dengan hanya

merujuk pada undang-undang.

Sebagai perbandingan, beliau menggunakan contoh perkataan 'kaum pendatang' yang tidak boleh diselesaikan jika dibawa ke mahkamah, sedangkan ia sesuatu sensitif (bagi bukan Melayu).

Beliau berkata, kalimah Allah tidak ada dalam kitab Taurat atau Talmud Hebrew atau kitab Injil Kristian dalam bahasa Latin, Greek atau bahasa-bahasa Eropah, manakala nama bagi tuhan da-

lam bahasa Yahudi ialah 'Yahweh' yang diterjemahkan kepada bahasa Inggeris sebagai 'Jehovah'.

"Dalam kitab Injil, Jesus (Isa) dan God adalah sama. Tidak ada kalimah Allah dalam kitab Injil dalam bahasa berkenaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, dalam usaha menerangkan agama Kristian di kalangan orang Islam atau masyarakat yang mahir dengan Islam, perkataan 'God' diterjemah kepada Allah supaya mudah difahami oleh pendengar.